

**GARIS PANDUAN MENGENAI  
TATACARA MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN  
PROJEK ICT AGENSI KERAJAAN NEGERI**

**1. TUJUAN**

1.1 Dokumen ini menyediakan panduan kepada jabatan dan agensi negeri mengenai tatacara memohon kelulusan dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

**2. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU PERMOHONAN PROJEK ICT NEGERI (JPPICT), JAWATANKUASA PEMANDU ICT AGENSI NEGERI (JPICTA) DAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI)**

2.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK), bertanggungjawab menubuhkan JPPICT untuk menyelaras dan memberi pertimbangan kelulusan permohonan projek ICT daripada semua jabatan negeri.

2.2 Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (agensi-agensi Negeri) perlu menubuhkan JPICTA sendiri bagi menyelaras permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.

2.3 Keahlian JPPICT dan JPICTA dan bidang tugasnya mengikut peringkat pentadbiran adalah seperti berikut:

(a) Kerajaan Negeri **Lampiran A**

(b) Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan **Lampiran B**

2.4 Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri (JTI) diwujudkan untuk memproses, menilai dan mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT semua Jabatan Negeri. Keahlian dan bidang tugas JTI adalah seperti di **Lampiran C**.

2.5 Jawatankuasa Pemandu electronic Good Governance (eGG) adalah Jawatankuasa Pemandu ICT peringkat negeri. Bidang tugas dan keahlian Jawatankuasa Pemandu eGG adalah seperti di **Lampiran D**. JTI hendaklah melaporkan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPPICT kepada JKP eGG.

**3. SKOP PERMOHONAN PROJEK ICT DI BAWAH PEMBIAYAAN PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI**

3.1 Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan JPPICT adalah seperti berikut:

**(a) Projek Baharu**

**Projek baharu** bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan aktiviti-aktiviti perolehan pembangunan sistem aplikasi, perkakasan, perisian, rangkaian dan perkhidmatan ICT.

- (i) **Pembangunan Sistem Aplikasi** yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization* dan/atau integrasi;
- (ii) **Perkakasan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT, iaitu peralatan input/output [contoh: pencetak, pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui IP (VoIP)], pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (video conferencing)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (wireless broadband)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit);
- (iii) **Perisian ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran;
- (iv) **Rangkaian ICT** yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [*Wide Area Network* (WAN)], rangkaian setempat [*Local Area Network* (LAN)] dan rangkaian tanpa wayar; dan
- (v) **Perkhidmatan-perkhidmatan lain** berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan projek (PMO), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (hosting), migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.

**(b) Peningkatan Sistem**

**Peningkatan sistem** bermaksud mempertingkatkan keupayaan,

perubahan dan/atau pertambahan skop/tempoh, *change request* (CR) atau menaik taraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh yang dimaksudkan seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (bandwidth) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

**(c) Pertambahan Peralatan**

**Pertambahan peralatan** bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

**(d) Peluasan Projek**

**Peluasan (roll-out) projek** bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

3.2 Perolehan peralatan bukan ICT **boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan projek ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan projek baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup (Closed-Circuit TV (CCTV)), bekalan kuasa tanpa gangguan (Uninterruptible Power Supply (UPS)), rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan projektor bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran].

3.3 Skop projek ICT yang **tidak memerlukan kelulusan JPPICT** adalah seperti berikut :

- (a) Perkhidmatan penyenggaraan peralatan ICT dan sistem aplikasi.
- (b) Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan yang tiada perubahan kepada skop asal seperti langganan maklumat dalam talian, sewaan talian Internet dan perkhidmatan pengehosan (hosting).
- (c) Perolehan peralatan teknologi baharu dan peralatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertakluk kepada 1PP PK1/2013 Perenggan 6 (x) bertajuk Garis Panduan Mengenai Penyelarasan Penggunaan dan Perolehan Kemudahan dan Peralatan Teknologi Baru di agensi Kerajaan.
- (d) Perolehan bagi peralatan bukan ICT yang digabung dengan peralatan ICT untuk tujuan khas seperti perkakasan instrumen saintifik (contoh: teleskop di balai cerapan), perubatan [contoh: mesin pengimejan resonans magnetik (magnetic resonance imaging

(MRI)), keselamatan [contoh: Sistem Risikan Tentera (Military Intelligence System)], Sistem Pengukuran Amaran (Alert Measurement System), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (Cryptography Military Communications Radio), kejuruteraan [contoh: Simulator Penerbangan Penuh (Full Flight Simulator)] dan seumpamanya.

- (e) Komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item), aksesori, perabot komputer, kamera, projektor, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (smartphone) dan seumpamanya.

3.4 Permohonan kelulusan projek/program ICT boleh diangkat terus oleh urusetia JPPICT untuk pertimbangan dan kelulusan Pengerusi JPPICT bagi kes-kes berikut :

- (a) Projek-projek yang memerlukan kelulusan SEGERA.
- (b) Kategori projek keperluan asas ICT iaitu pembelian perkakasan/perisian ICT, program sewaan PC/notebook dan peningkatan laman web.

#### **4. PROJEK ICT YANG DIBANGUNKAN SECARA *IN-HOUSE* SERTA TIDAK MELIBATKAN KOS**

4.1 Bagi semua Jabatan Negeri/Bahagian PSUK, projek pembangunan aplikasi secara *in-house* yang tidak melibatkan sebarang peruntukan **MESTI** dibentang kepada JTI untuk perakuan sebelum pembangunan. Ini bertujuan untuk memastikan projek tersebut selaras dengan Pelan Strategik ICT dan/atau Pelan Strategik Jabatan serta mengelakkan pertindihan kepada sistem aplikasi sedia ada yang telah dikuatkuasakan penggunaan di peringkat negeri.

#### **5. PENGURUSAN NILAI**

5.1 JPPICT atau JPICT Agensi memutuskan samada projek ICT perlu melaksanakan Pengurusan Nilai (Value Management) seperti Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009 bertajuk Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (Value Management).

#### **6. JAMINAN KUALITI**

6.1 Bagi projek yang kritikal dan berimpak tinggi, JPPICT/JPICT Agensi hendaklah mengenal pasti keperluan memperolehi khidmat jaminan kualiti/pengujian perisian terhadap perolehan aplikasi/sistem ICT daripada pihak ketiga [Independent Validation and Verification (IVV)] selaras dengan 1PP PK2/2013 bertajuk Kaedah Perolehan Kerajaan – Garis Panduan

Perolehan ICT Kerajaan.

## 7. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK ICT

- 7.1 Carta alir permohonan kelulusan projek ICT di **Lampiran E** adalah mengikut peringkat pentadbiran seperti berikut:
  - (a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri
  - (b) Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
- 7.2 Bagi semua jabatan negeri termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri semua permohonan projek ICT diselaraskan oleh JPPICT.
- 7.3 Manakala semua agensi negeri seperti Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, semua permohonan program/projek ICT diselaraskan oleh JPICTA masing-masing atau setara.
- 7.4 Permohonan perolehan projek ICT hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek seperti di **Lampiran F : Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-Ciri Projek ICT**.
- 7.5 Perolehan Projek ICT di peringkat Negeri yang memerlukan kelulusan JTISA perlu mendapat kelulusan JPPICT dan kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Persekutuan sebelum dikemukakan kepada JTISA.
- 7.6 Semua peringkat permohonan perolehan projek ICT menggunakan sumber peruntukan Persekutuan dan memerlukan kelulusan JTISA perlu dikemukakan melalui **Sistem Aplikasi PROFIT**.
- 7.7 Semua permohonan projek / program ICT hendaklah diselaraskan kepada Pelan Strategik ICT (PSICT) jabatan masing-masing. JPPICT dan JPICTA akan memberi keutamaan kepada projek ICT yang dirancang di dalam PSICT.
- 7.8 Agensi-agensi yang bercadang untuk membangun/memperoleh aplikasi baru digalakkan menyemak dan mematuhi langkah-langkah yang ditetapkan oleh Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1999 - Pelaksanaan Perkongsian Pintar Antara Agensi-agensi Kerajaan Dalam Bidang Teknologi Maklumat.
- 7.9 Bagi semua jabatan negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, permohonan **perkakasan dan perisian ICT di bawah skop projek baharu** adalah seperti berikut :
  - (a) Semua permohonan perkakasan dan perisian ICT Jabatan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dikemukakan melalui **Sistem Permohonan Projek ICT (SPPICT: <http://sppict.penang.gov.my>)** selewat-lewatnya **minggu pertama bulan Februari setiap tahun**.

- (b) Urus setia JPPICT akan membuat semakan dan perakuan untuk pertimbangan dan kelulusan JPPICT.
  - (c) Urus setia JPPICT bertanggungjawab mengemukakan permohonan bajet bagi semua perolehan perkakasan & perisian ICT jabatan-jabatan negeri untuk pertimbangan/kelulusan Jabatan Kewangan Negeri (JKN).
- 7.10 Semua Jabatan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu mematuhi tatacara berikut bagi skop permohonan projek ICT seperti di para 3.1 :
- (a) Semua peringkat permohonan perolehan projek ICT menggunakan sumber peruntukan negeri dan memerlukan kelulusan JPPICT perlu dikemukakan melalui **SPPICT**.
  - (b) Semua perancangan projek ICT perlulah dibentangkan untuk kelulusan JPPICT sebagai pra syarat sebelum pelaksanaan/perolehan.
  - (c) Surat perakuan kelulusan projek ICT daripada JPPICT perlulah disertakan semasa proses pengeluaran pesanan tempatan dan/atau bayaran.
  - (d) Sebarang perubahan kepada skop asal projek/program ICT yang telah diluluskan **MESTI** dikemukakan kepada Urus setia JPPICT untuk pertimbangan dan kelulusan semula Pengerusi JPPICT sebelum pelaksanaan.
- 7.11 Had nilai bagi projek ICT yang memerlukan kelulusan JPPICT atau JPICTA atau JTISA adalah seperti di **Lampiran G**.

## **8. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN/DISELARASKAN DI PERINGKAT JPPICT/JPICTA**

- 8.1 Semua bahagian/unit di bawah Pejabat SUK Negeri dan Jabatan/Agensi Negeri adalah bertanggungjawab untuk **memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan** projek ICT kepada Urus setia JTI/JPICTA **setiap bulan dari tarikh *kick off*** projek yang diluluskan oleh JPPICT/JPICTA/ JTISA seperti di **Lampiran H**.
- 8.2 JTI/Urus setia JPICTA perlu **memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan projek** ICT kepada JPPICT (bagi projek yang diluluskan oleh JPPICT) dan kepada JTISA (bagi projek yang diluluskan oleh JTISA) **selepas 1 tahun projek dilaksanakan (*go live*)** seperti di **Lampiran I**.
- 8.3 Jabatan/Agensi Negeri perlulah memantau dan melaporkan kemajuan

pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPICTA kepada Urus setia JPICTA **selepas 1 tahun projek dilaksanakan (go live)**.

- 8.4 Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPPICT dilaksanakan melalui SPPICT dan/atau JTISA dilaksanakan melalui PROFIT.
- 8.5 Semua Bahagian/Unit Pejabat SUK, Jabatan Negeri dan Urus setia JPICTA perlu mengemukakan **laporan perolehan ICT** kepada JTI sebanyak **2 kali setahun** iaitu pada Julai tahun semasa dan Januari tahun berikutnya, mengikut format seperti di **Lampiran J** dan **Lampiran K**.
- 8.6 Carta alir pelaporan adalah seperti di **Lampiran L**.

## **9. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN PROJEK ICT**

- 9.1 Tempoh sah laku kelulusan projek ICT yang dikeluarkan oleh JPPICT adalah tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan. Contoh surat kelulusan Pengerusi JPPICT adalah seperti di **Lampiran M**.

## **10. PENUTUP**

- 10.1 Semua jabatan dan agensi negeri hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan perolehan projek ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

**JAWATANKUASA PEMANDU PERMOHONAN  
PROJEK ICT NEGERI (JPPICT)**

- Pengerusi : YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
- Ahli-Ahli : (i) YB. Pegawai Kewangan Negeri  
(ii) TSUK(PG) – CIO Kerajaan Negeri  
(iii) TSUK(P)  
(iv) Pengurus ICT PSUKPP  
(v) Ketua-ketua Unit Bahagian ICT PSUKPP
- Ahli Jemputan: Lain-lain ahli berdasarkan keperluan
- Urus setia : Bahagian ICT PSUKPP

**Bidang Tugas JPPICT**

- (i) Mempertimbang dan meluluskan permohonan projek ICT bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan berhemah serta peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.
- (ii) Menyelaras dan mengemukakan laporan perolehan ICT jabatan/agensi di bawah Kerajaan Negeri kepada JKP eGG dan Urus setia JTISA di MAMPU mengikut tempoh yang telah ditetapkan.



**JAWATANKUASA PEMANDU ICT AGENSI NEGERI (JPICTA)  
(BADAN BERKANUN NEGERI /PIHAK BERKUASA TEMPATAN)**

**Keahlian**

Pengerusi : Ketua Agensi/Pegawai yang diturunkan kuasa

- Ahli-ahli : (i) Maklumat (*Chief Information Officer*) Agensi atau yang setara
- (ii) Ketua-ketua Bahagian
- (iii) Ketua Bahagian/Unit ICT atau yang setara
- (iv) Pegawai Keselamatan ICT atau yang setara
- (v) Lain-lain ahli yang berkaitan

Urus setia : Unit ICT/Pengurusan Agensi

**Bidang Tugas**

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT kementerian/agensi;
- (iii) Merancang dan menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;
- (v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
- (vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT; dan
- (viii) Mengemukakan laporan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT agensi dan telah dibuat perolehan kepada JPPICT Pejabat SUK Negeri.

**JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT NEGERI (JTI)**

Pengerusi : Pengurus ICT PSUKPP atau Pegawai yang diturunkan kuasa.

Ahli-Ahli : Semua Ketua Unit, Bahagian ICT PSUKPP

Ahli Jemputan : Pakar Subjek Teknikal dan *Subject Matter Expert* (SME) yang berkaitan

Urus setia : Bahagian ICT PSUKPP

**Bidang Tugas**

- (i) Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT Pejabat SUK Negeri dan semua agensi di bawahnya;
- (ii) Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPPICT;
- (iii) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPPICT dan JTISA dan melapor kepada JKP eGG;
- (iv) Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah Pejabat SUK Negeri serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JKP eGG; dan
- (v) Menyediakan laporan kepada JKP eGG mengikut keperluan.

**JAWATANKUASA PEMANDU ELECTRONIC GOOD GOVERNANCE (eGG)**

**Keahlian**

Pengerusi : YB. Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli :


- (i) Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer*) Kerajaan Negeri
- (ii) Ketua-ketua Jabatan Negeri
- (iii) Ketua-ketua Badan Berkanun Negeri
- (iv) Ketua-ketua Pihak Berkuasa Tempatan
- (v) Ketua-ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- (vi) Ahli-ahli lain dan jemputan yang berkaitan

Urus setia : Bahagian ICT PSUKPP


**Bidang Tugas**

- i. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri;
- ii. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja serta kewangan diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT Kerajaan Negeri;
- iii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT agensi-agensi Kerajaan Negeri supaya selaras dengan Pelan Strategik organisasi dan/atau Pelan Strategik ICT Agensi dan/atau Pelan Strategik ICT PSUKPP/Kerajaan Negeri;
- iv. Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara agensi- agensi Kerajaan Negeri dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;
- v. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek-projek ICT antara semua agensi di bawah Kerajaan Negeri;
- vi. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT; dan
- vii. Memantau perkembangan program/projek ICT agensi-agensi Kerajaan Negeri, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT.


CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN JPPICT NEGERI / JPICT AGENSI UNTUK PROJEK ICT



**CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN JPPICT NEGERI / JPICT AGENSI UNTUK PROJEK ICT**



CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN JPPICT NEGERI / JPICT AGENSI UNTUK PROJEK ICT



## PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

## PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT

1. Menepati keperluan pemegang taruh (stakeholder)/pengguna (fit for purpose).
2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada.
3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan projek.
4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran.
5. Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek.
6. Tempoh pelaksanaan yang realistik.
7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

## CIRI-CIRI PROJEK ICT

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan.</li> <li>2. Kebolehskalaan (Scalability – start small, expand when needed).</li> <li>3. Kesesuaian konfigurasi server (should be able to sustain application requirement for a certain period of time).</li> <li>4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan.</li> <li>5. Menggalakkan perkongsian perkakasan.</li> <li>6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Senibina Perkhidmatan dan Senibina Maklumat aplikasi.</li> <li>2. Senarai modul aplikasi.</li> <li>3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem.</li> <li>4. <i>Platform</i> yang dicadangkan.</li> <li>5. Pangkalan data.</li> <li>6. Struktur data mengikut standard <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam.</li> <li>7. Integrasi/saling kendali (interoperability) dengan sistem legasi, dalaman dan luaran.</li> <li>8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon.</li> <li>2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan.</li> <li>3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (mandays).</li> <li>4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN).</li> <li>2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Senibina Teknologi.</li> <li>3. Kesesuaian teknologi rangkaian.</li> <li>4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll.).</li> </ol> <p><b>Peningkatan / Peluasan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekangan infrastruktur sedia ada.</li> <li>2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilisation)/prestasi (performance).</li> </ol>

## LAMPIRAN F

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<p>7. Senarai agihan perkakasan/ perisian serta justifikasi perolehan.</p> <p>8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti.</p> <p>9. Lesen caj sekali atau kos berulang.</p> <p>10.Pematuhan kepada IPv6.</p> <p>11.Ke arah ICT hijau.</p>	<p>9. Kepakaran ICT yang ada.</p> <p>10.Potensi perkongsian pintar.</p> <p>11.Kebolehskalaan (Scalability - start small, grow as required).</p> <p>12.Pelan Migrasi.</p> <p><b>Peningkatan</b></p> <p>1. Kekangan sistem sedia ada.</p> <p>2. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem.</p> <p><b>Peluasan</b></p> <p>1. Melaksanakan kajian impak projek sedia ada sebelum peluasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesediaan sistem (system readiness);</li> <li>ii. Kesediaan lokasi dan infrastruktur (location and infrastructure readiness); dan</li> <li>iii. Kesediaan pengguna (User readiness).</li> </ul> <p>2. Pelan peluasan.</p>		



**HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT  
BAGI PEJABAT SUK NEGERI, JABATAN DAN AGENSI NEGERI**

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN	
	KATEGORI PEROLEHAN	SKOP	NILAI (RM) JUTA(J)/RIBU(K)	JPPICT NEGERI/ AGENSI	JTISA*
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/ atau integrasi	<1J	√	-
			≥1J	√	√
		2. Perolehan perkakasan dan/ atau perisian dan/ atau rangkaian dan/ atau perkhidmatan ICT	<5J	√	-
			≥5J	√	√
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/ atau integrasi	<1J	√	-
			≥1J	√	√
		2. Naik taraf perkakasan dan/ atau perisian dan/ atau rangkaian dan/ atau perkhidmatan ICT	<5J	√	-
			≥5J	√	√
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan dan/ atau perisian dan/ atau rangkaian dan/ atau perkhidmatan ICT	< 5J	√	-
			≥ 5J	√	√
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi	< 1J	√	-
			≥ 1J	√	√
		2. Perolehan perkakasan dan/ atau perisian dan/ atau rangkaian dan/ atau perkhidmatan ICT	< 5J	√	-
			≥ 5J	√	√

\*PERHATIAN : Kelulusan JTISA hanya melibatkan projek ICT baharu yang menggunakan peruntukan Persekutuan.

**LAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT**(Setiap bulan selepas tarikh *Kick Off*)Bagi Bulan : <bulan> Tahun <yyyy>

<b>1</b>	<b>Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi Negeri</b>	
<b>2</b>	<b>Tajuk Projek</b>	
<b>3</b>	<b>Petunjuk Prestasi (KPI)</b>	
<b>4</b>	<b>Tarikh Kelulusan Projek (hh/bb/tttt)</b>	
<b>5</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan (hh/bb/tttt - hh/bb/tttt)</b>	
<b>6</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	
<b>7</b>	<b>Jumlah (RM) &amp; Peratus Perbelanjaan</b>	
<b>8</b>	<b>Ringkasan Kemajuan Projek</b>	
<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Pencapaian/Isu</b>

<b>Tandatangan Pelapor</b>	
<b>Cop Rasmi Nama &amp; Jawatan</b>	
<b>Tarikh</b>	

**LAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK ICT**  
(Setahun selepas projek *Go Live*)

<TAJUK PROJEK ICT>		
PEMILIK PROJEK :		
KELULUSAN : JPPICT/JPICTA/JTISA		
TARIKH	MULA :	SIAP :
SUMBER PERUNTUKAN :		
PENCAPAIAN PROJEK		
OUTPUT:		
IMPAK:		

**LAPORAN PEROLEHAN PROJEK ICT**  
**UNTUK PERMOHONAN YANG DILULUSKAN/DISELARASKAN DI PERINGKAT JPPICT NEGERI**

Nama Agensi : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Bil.	Nama Jabatan/ Bah./ Unit	Nama Projek	Skop Projek	Senarai Perolehan	Tujuan Perolehan	Kos (RM)	Tarikh Kelulusan *JP ICT	Tarikh Pelaksanaan
				<i>(Rujuk Lampiran K)</i>				

\*Nota :


JPICT adalah :

Jawatankuasa Pemandu Permohonan Projek ICT Negeri (JPPICT) di peringkat Pejabat SUK dan Jabatan Negeri  
Jawatankuasa Pemandu ICT Agensi atau jawatankuasa yang setaraf dengannya di peringkat agensi negeri

**SENARAI PEROLEHAN ICT**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM</b>	<b>JUMLAH UNIT YANG DIBELI</b>	<b>JUMLAH KOS (RM)</b>
<b>A</b>	<b>PERKAKASAN</b>		
1			
2			
3			
4			
5			
<b>B</b>	<b>PERISIAN</b>		
1			
2			
3			
<b>C</b>	<b>RANGKAIAN</b>		
1			
2			
<b>D</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>		
1			
2			
<b>E</b>	<b>LAIN-LAIN</b>		
1			
2			
	<b>JUMLAH</b>		

**CARTA ALIR PELAPORAN PEROLEHAN DAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT**



**\*NOTA**

1. Laporan Kemajuan Pembangunan – setiap bulan selepas tarikh *kick off* projek
2. Laporan Perolehan Projek ICT – 2 kali setahun (Julai & Januari)
3. Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek ICT – selepas setahun projek dilaksanakan (*go live*)
4. Projek ICT yang mendapat kelulusan/peruntukan JTISA/Persekutuan dilaporkan kepada JTISA melalui PROFIT

Ruj. Kami :

Tarikh :

Nama Jabatan  
Alamat Jabatan

**Kelulusan Permohonan Program/Projek ICT**

Pihak Jawatankuasa telah meneliti cadangan berikut:

**Tajuk** :

**Agensi** :

**Anggaran Kos/  
Peruntukan** :

2. Dengan ini disahkan bahawa permohonan ini :

Diluluskan

Tidak diluluskan

3. Tempoh sahlaku kelulusan adalah **tiga (3) tahun dari tarikh surat ini.**

4. Tuan/puan perlu melaporkan kemajuan pelaksanaan projek ini sehingga selesai (Lampiran H) selaras dengan **Surat Pekeliling SUK Bil : 10/2016 GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT AGENSI KERAJAAN NEGERI.**

.....  
( )  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pemandu Permohonan ICT  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang